

## JADUAL D

### AKTA PEMEGANG PAJAK GADAI 1972

PERATURAN-PERATURAN PEMEGANG PAJAK GADAI (KAWALAN DAN PELESENAN) 2004

(Peraturan 4)

### AKUAN BERKANUN

Saya.....  
(nama huruf besar)

nombor kad pengenalan .....beralamat .....

.....  
(alamat \*perniagaan atau kediaman)

selaku .....  
(jawatan dalam firma, persatuan, kumpulan orang atau syarikat)

bagi .....  
(nama firma, persatuan, kumpulan orang atau syarikat)

yang mempunyai alamat di.....  
.....  
(alamat firma, persatuan, kumpulan orang atau syarikat)

dengan sesungguhnya dan dengan suci hati mengaku dan berikrar bahawa:

- (i) Saya seorang warganegara #Malaysia yang cukup umur dan mempunyai keupayaan untuk membuat Akuan Berkanun ini;
- (ii) Saya dengan ini mengesahkan salinan Memorandum dan Artikel Persatuan bagi syarikat yang dilampirkan bersama-sama Akuan Berkanun ini dan ditandakan sebagai Lampiran 'A' ialah salinan yang sah dan sebenarnya;
- (iii) Saya dengan ini mengesahkan akaun pengurusan yang diaudit bagi tahun kewangan berakhir ..... (nyatakan haribulan dan tahun) yang dilampirkan bersama-sama Akuan Berkanun ini dan ditandakan sebagai Lampiran 'B' ialah salinan yang sah dan sebenarnya;
- (iv) Saya tidak pernah, setelah disabitkan untuk suatu kesalahan di bawah Akta ini, dikenakan denda melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjara (selain dari pemenjaraan kerana gagal membayar denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit);

- (v) Saya tidak pernah disabitkan atas sesuatu kesalahan mengenai perkara fraud atau kecurangan atau apa-apa kesalahan yang diperuntukkan di dalam Bab XVI atau Bab XVII Kanun Kesiksaan atau apa-apa kesalahan di bawah Akta ini;
- (vi) Saya bukanlah seorang yang diisyiharkan muflis;
- (vii) Saya bukanlah pekongsi atau pemegang jawatan bagi firma, persatuan, kumpulan orang atau syarikat yang menjalankan perniagaan pajak gadai yang telah digulung atau dibubarkan oleh mahkamah;
- (viii) Saya bukanlah orang yang terlibat secara terus dengan pengurusan firma, persatuan, kumpulan orang atau syarikat menjalankan perniagaan pajak gadai yang telah digulung atau dibubarkan oleh mahkamah;
- (ix) Saya bukanlah orang yang bertanggungjawab bagi firma, persatuan, kumpulan orang atau syarikat menjalankan perniagaan pajak gadai yang lesenya telah dibatalkan; dan
- (x) Saya bersetuju untuk mematuhi segala kepada peruntukan Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 dan apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

Dan saya membuat Akuan Berkanun ini dengan penuh kesedaran dan kepercayaan bahawa butir-butir yang diberikan di atas adalah benar, serta mengikut kehendak-kehendak yang diperuntukkan di dalam Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya  
diakui oleh yang tersebut namanya di atas

.....  
.....  
di .....  
di Negeri .....  
pada .....haribulan .....20.....



Di hadapan saya :

.....  
*(Tandatangan Hakim Mahkamah Sesyen,  
Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah)*